Syed Azimuddin bin Syed Kamarudin lwn Ashida bt Abdul Jabar (berniaga sebagai Arienna Enterprise)

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — WRIT SAMAN NO 22NCVC-424–06 TAHUN 2013
ROZANA ALI PK
14 JANUARI 2016

Kontrak — Tuntutan — Kehilangan keuntungan — Plaintif menyumbang wang kepada defendan bagi memulakan perniagaan stesen minyak — Defendan memberhentikan bayaran keuntungan kepada plaintif — Sama ada wujud perjanjian lisan antara plaintif dan defendan untuk berkongsi keuntungan secara sama rata — Sama ada jumlah RM425,000 yang dikeluarkan oleh plaintif merupakan satu pinjaman — Sama ada plaintif berhutang kepada defendan sebanyak RM359,000 seperti di dalam tuntutan balas

Plaintif telah menyumbang wang sebanyak RM425,000 kepada defendan bagi memulakan perniagaan stesen minyak. Dari tempoh 2005–2012, plaintif telah menerima bayaran sebanyak RM1,084,000 dari defendan termasuk jumlah sumbangan modal RM425,000. Walau bagaimanapun, bermula pada Januari 2013, defendan telah memberhentikan bayaran kepada plaintif. Oleh itu, plaintif telah memfailkan tindakan semasa bagi menuntut baki keuntungan plaintif yang masih belum dibayar oleh defendan berjumlah RM1,251,425. Selain itu, plaintif juga menuntut elaun bulanan bagi Januari 2013–April 2013 berjumlah RM28,000; dan elaun sebanyak RM7,000 sebulan mulai Mei 2013 sehingga tarikh pembayaran sepenuhnya. Defendan pula telah memfailkan tuntutan balas bagi jumlah RM359,000, iaitu lebihan bayaran yang diberikan oleh defendan kepada plaintif yang didakwa sebagai pinjaman. Isu-isu bagi penentuan mahkamah adalah: (a) sama ada wujud perjanjian lisan antara plaintif dan defendan untuk berkongsi keuntungan Arienna Enterprise dan elaun bulanan secara sama rata; (b) sama ada jumlah RM425,000 yang dikeluarkan oleh plaintif merupakan satu pinjaman; dan (c) sama ada plaintif berhutang kepada defendan RM359,000 seperti di dalam tuntutan balas.

Diputuskan, menolak tuntutan plaintif dan tuntutan balas defendan:

(1) Tiada apa-apa bukti dikemukakan oleh plaintif bagi menyokong kewujudan perjanjian lisan tersebut. Plaintif dilihat hanya menunggu pulangan keuntungan setiap bulan dari defendan tanpa berperanan sebagai seorang rakan kongsi. Oleh itu, plaintif bukan merupakan seorang rakan kongsi sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Perkongsian 1961. Tambahan pula, kedudukan plaintif sebagai rakan kongsi dalam perniagaan Arienna Enterprise tidak diplidkan dalam

penyata tuntutan. Oleh itu, berdasarkan dapatan di atas, tidak terdapat sebarang perjanjian diantara plaintif dan defendan sebagai rakan kongsi untuk pembahagian dan perkongsian keuntungan perniagaan Arienna Enterprise (lihat perenggan 23(a)(i)–(iii)).

(2) Tindakan plaintif yang sanggup mengeluarkan simpanan peribadi dan ASB beliau dan isterinya serta mencagar semula kenderaan mereka dalam usaha untuk mendapatkan jumlah RM425,000 lebih menjurus kepada satu bentuk perlaburan atas modal permulaan perniagaan. Selain itu, tindakan defendan tidak mencerminkan kepada satu pinjaman kerana defendan tidak pernah mempertikaikan tentang bayaran yang telah dibuat malah masih meneruskan pembayaran kepada plaintif walaupun jumlah yang dikatakan pinjaman tersebut telah selesai (lihat perenggan 23(b)(i)).

(3) Plaintif telah gagal membuktikan jumlah tuntutan keuntungan RM1,251,425. Tambahan pula, tiada perjanjian sama ada lisan atau bertulis untuk berkongsi keuntungan bersih secara 50–50 dari hasil keuntungan perniagaan Arienna Enterprise seperti yang didakwa oleh plaintif. Plaintif juga gagal membuktikan jumlah tuntutan lain iaitu elaun berjumlah RM28,000 dan RM7,000 tersebut. Plaintif juga tidak berhak menuntut tuntutan tersebut kerana tidak terdapat parjanjian sama ada lisan atau bertulis untuk bersetuju untuk bayaran elaun tersebut (lihat perenggan 23(b)(ii)–(iii)).

(4) Mahkamah mendapati wang sebanyak RM359,000 menjadi bentuk pinjaman hanya timbul setelah tuntutan balas dibuat. Ini merupakan satu pemikiran terkemudian ('afterthought'). Tambahan pula defendan juga tidak pernah pada bila-bila masa meminta plaintif membayar balik sejumlah wang yang telah diberikan. Selain itu, berdasarkan penyata pembelaan asal defendan bertarikh 26 April 2013, jumlah tersebut merupakan sebagai 'tanda terima kasih' kepada plaintif. Oleh itu, jumlah RM359,000 tersebut bukanlah satu bentuk pinjaman tetapi ianya merupakan satu bentuk pulangan yang diberi secara sukarela oleh defendan kepada plaintif sebagai 'tanda terima kasih' (lihat perenggan 23(c)(iii)).

[Bahasa Malaysia summary

The plaintiff had contributed a sum of RM425,000 to the defendant to initiate a petrol station business. During the period from 2005–2012, the plaintiff received a payment of RM1,084,000 from the defendant including a total capital contribution of RM425,000. However, from January 2013, the defendant had stopped paying the plaintiff. Therefore, the plaintiff filed the present action to claim the outstanding profit balance of the plaintiff by the defendant for the sum of RM1,251,425. In addition, the plaintiff also claimed a monthly allowance of RM28,000 from January 2013–April 2013; and a

monthly allowance of RM7,000 from May 2013 until the date of full payment. The defendant also filed a counterclaim for a total sum of RM359,000, ie the excess payment given by the defendant to the plaintiff which allegedly was a loan. The issues for the determination for the court were: (a) whether there existed an oral agreement between the plaintiff and the defendant to share the profit of Arienna Enterprise and the monthly allowance equally; (b) whether the sum of RM425,000 released by the plaintiff constituted a loan; and (c) whether the plaintiff was indebted to the defendant a sum of RM359,000 as stated in the counterclaim.

Held, dismissing the plaintiff's claim and the defendant's counterclaim:

(1) There was no proof submitted by the plaintiff to support the existence of the said oral agreement. The plaintiff was seen to have only waited for the profit returns monthly from the defendant without acting as a partner. Therefore, the plaintiff was not a partner as provided under the Partnership Act 1961. Furthermore, the position of the plaintiff as a partner in the Arienna Enterprise business was not pleaded in the statement of claim. Hence, based on the above findings, there was no agreement between the plaintiff and the defendant as partners for the distribution and sharing of the profit of the Arienna Enterprise business (see para 23(a)(i)–(iii)).

(2) The plaintiff's action in his willingness to withdraw his and his wife's personal savings and ASB and also remortgaged their car in effort to obtain the sum of RM425,000 was more of a form of investment in the initial business capital. In addition, the defendant's actions did not reflect a loan as the defendant had never disputed the payment duly made and still continued payment to the plaintiff even though the amount of the said loan had been settled (see para 23(b)(i)).

(3) The plaintiff failed to prove the total profit claim of RM1,251,425. Further, there was neither an oral nor written agreement to share the net profit on a 50–50 basis from the profit returns of Arienna Enterprise business as alleged by the plaintiff. The plaintiff also failed to prove the other claims ie the said allowance of RM28,000 and RM7,000. The plaintiff also had no right to make the said claim as there was neither an oral nor written agreement to consent the said allowance payment (see para 23(b)(ii)–(iii)).

(4) The court found that the sum of RM359,000 was only a form of loan that arose after the counterclaim was made. This was an afterthought. Furthermore the defendant had never at any time demanded the plaintiff to repay the said sum which was given. Therefore, based on the original statement of defence of the defendant dated 26 April 2013, the said sum constituted a 'token of gratitude' to the plaintiff. Hence, the sum of RM359,000 was not a form of loan but was a form of a return given

voluntarily by the defendant to the plaintiff as a 'token of gratitude' (see para 23(c)(iii)).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai tuntutan, lihat 3(3) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 4147–4162.

Undang-undang yang dirujuk

Akta Perkongsian 1961 s 11
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

Ahmad Kamal (Ahmad Kamal & Co) bagi pihak plaintif.
Ganesh a/l Magenthiran (Hakem Arabi & Assoc) bagi pihak defendan.

Rozana Ali PK:

PENGENALAN

[1] Tuntutan plaintif adalah untuk pembayaran balik keuntungan dan elaun yang sepatutnya dibayar oleh defendan kepada plaintif hasil dari penglibatan mereka dalam perniagaan stesen minyak. Bayaran keseluruhan bahagian keuntungan bersih yang perlu dibayar oleh defendan adalah sebanyak RM1,506,425 dimana daripada jumlah tersebut defendan telah membayar sebanyak RM255,000. Baki yang dituntut oleh plaintif sekarang adalah sebanyak RM1,251,425.

[2] Plaintif memohon ganti rugi atas keingkaran defendan sepertimana dalam penyata tuntutanya seperti berikut:

(a) bayaran sebanyak RM1,251,425 iaitu bahagian keuntungan milik plaintif mulai Mac 2005–Disember 2012 (mengikut perkiraan kasar);

(b) elaun bulanan mulai Januari–April 2013 berjumlah RM28,000;

(c) bahagian keuntungan milik plaintif mulai Januari 2013 sehingga tarikh pembayaran sepenuhnya;

(d) elaun sebanyak RM7,000 sebulan mulai Mei 2013 sehingga tarikh pembayaran sepenuhnya;

(e) faedah yang dibenarkan mengikut undang-undang dan Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012;

(f) kos; dan

(g) lain-lain relif dan/atau perintah yang difikirkan adil dan suaimanfaat oleh mahkamah yang mulia ini.

A FAKTA KES

[3] Plaintif merupakan suami kepada ibu saudara defendan. Pada peringkat awal defendan memulakan perniagaan Stesyen Minyak Shell di alamat Lot PT 1021/1022 Persiaran Perdana, Desa Aman Puri, 52100 Kepong, Selangor Darul Ehsan atas nama Arienna Enterprise. Defendan telah memohon bantuan modal perniagaan. Plaintif bersetuju untuk menyumbang wang sebanyak RM425,000 yang dibuat secara berikut:

B

(a) wang tunai RM175,000 pada 17 Mac 2005;

C

(b) wang tunai RM50,000 pada 7 April 2005;

(c) wang tunai RM100,000 pada 22 April 2005 untuk sekuriti deposit dengan Shell dalam bentuk Simpanan Amanah Saham Bumiputera ('ASB') defendan; dan

D

(d) tunai RM100,000 pada 26 Januari 2006 untuk sekuriti deposit dengan Malayan Banking Bhd ('MBB') dalam bentuk sijil simpanan tetap atas nama defendan.

E **[4]** Dari tempoh 2005–2012 plaintif telah menerima bayaran sebanyak RM1,084,000 dari defendan termasuk jumlah sumbangan modal RM425,000.

F **[5]** Walau bagaimanapun dari Januari 2013 defendan telah memberhentikan bayaran kepada plaintif. Plaintif kemudiannya telah membuat tuntutan melalui surat peguambela dan peguamcara bertarikh 4 Mac 2013. Walau bagaimanapun, defendan telah gagal dan/atau engkar untuk memenuhi dan mematuhi notis tuntutan tersebut dan ini telah mengakibatkan plaintif memfailkan tuntutan terhadap defendan.

G

SAKSI-SAKSI

[6] Dalam bicara penuh tindakan ini, secara keseluruhannya plaintif telah memanggil empat saksi manakala defendan sendiri hadir untuk memberi keterangan. Saksi-saksi yang telah dipanggil oleh plaintif adalah seperti berikut:

H

(a) Syed Azimuddin bin Syed Kamarudin ('plaintif');

I

(b) Zaleha bt Wan Ali ('isteri plaintif');

(c) Wan Aminuddin bin Wan Ali ('adik ipar plaintif'); dan

(d) Mustafa Yahya ('rakan plaintif').

HUJAHAN PLAINTIF

[7] Plaintif menegaskan bahawa wujudnya perjanjian lisan antara beliau dan defendan untuk berkongsi keuntungan dan mengambil elaun bulanan secara samarata hasil dari perniagaan Arienna Enterprise. Perjanjian tersebut dibuat secara lisan kerana defendan ingin merahsiakannya dari pengetahuan ibubapanya disebabkan hubungan defendan dengan ibubapanya tidak begitu baik.

[8] Plaintif menyatakan dalam usaha mengumpul modal tersebut beliau dan isteri terpaksa menjual ASB, mengeluarkan wang simpanan peribadi dan mencagar semula dua buah kereta untuk mendapatkan wang sebanyak RM425,000. Plaintif juga telah berusaha untuk mendapatkan defendan kemudahan overdraf sebanyak RM300,000 dari Maybank dan lesen perniagaan sementara dari Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna.

[9] Plaintif juga menyatakan beliau telah memainkan peranan penting di dalam urusan perniagaan Arienna Enterprise dimana beliau telah diberi kuasa untuk menandatangani cek Arienna Enterprise dan mengesahkan bayaran cek-cek Arienna Enterprise melebihi RM20,000. Plaintif juga dibenarkan menyimpan slip kutipan buku cek dan tiga keping cek beserta rubber stamp Arienna Enterprise. Di samping itu juga plaintif memantau operasi dan hal ehwal kewangan Arienna Enterprise melalui maklumat yang diberi oleh defendan melalui SMS dan kemudahan Maybank Phone Banking dimana defendan telah memberi kata laluan dan nombor pin. Selain dari itu, defendan juga telah menyerahkan kepada plaintif beberapa dokumen lain antaranya:

(a) laporan jualan harian (*fuel* dan *non-fuel*) dari Mac 2005–September 2005;

(b) dua keping disket mengandungi maklumat *Manual Bonuslink Points Transaction Journal* dan *Profit N Loss* (Desa Aman Puri) 2005 penyata jualan 23 Mac–30 Mei 2005; dan

(c) penyata bayaran keuntungan, elaun bulanan dan bayaran bonus/dividen ASB.

[10] Di antara Mac 2005–Disember 2005, plaintif membuat lawatan premis perniagaan Arienna Enterprise sebulan sekali untuk membantu dan memberi nasihat dalam hal ehwal kewangan. Apabila kedudukan kewangan Arienna Enterprise semakin stabil, plaintif menyerahkan urusan pengurusan kepada defendan.

[11] Plaintif menghujah berdasarkan perjanjian lisan untuk pembahagian keuntungan dan elaun sama rata dari perniagaan Arienna Enterprise, defendan telah membayar kepada plaintif RM1,121,800 mengikut pecahan berikut:

Tarikh	Bayaran Bulanan	Jumlah
Mac–Disember 2005	RM3,000 x 10 bulan	RM30,000
Jan 2006–Sept 2010	RM5,000 x 57 bulan	RM285,000
Oktober 2010–Dis 2012	RM7,000 x 27 bulan	RM189,000
Jumlah		**RM504,000**

Tahun	Pembahagian Keuntungan
2005	RM10,000
2006	RM140,000
2007	RM130,000
2008	RM95,000
2009	RM50,000
2010	RM55,000
2011	RM50,000
2012	RM50,000
Jumlah	**RM580,000**

Tahun	Pembahagian Keuntungan dividen/bonus ASB
2005	RM4,800
2006	RM5,000
2007	RM5,000
2008	RM5,000
2009	RM4,000
2010	RM4,000
2011	RM5,000
2012	RM5,000
Jumlah	**RM37,800.00**

[12] Bayaran terakhir yang diterima oleh plaintif adalah pada 14 Januari 2013 sebanyak RM5,000 untuk dividen/bonus ASB 2012.

[13] Pada 30 Januari 2013 defendan telah mengirim SMS kepada plaintif untuk hentikan semua bayaran kepada plaintif kerana ibubapanya telah mendapat tahu tahu bahawa plaintif telah membantu defendan dalam perniagaan Arienna Enterprise. Defendan merasa tertekan dan tidak sanggup lagi berbohong serta tidak mahu hubungan kekeluargaan dengan ibubapanya bertambah teruk. Defendan dan suami ingin mulakan hidup baru dengan membina keluarganya sendiri tanpa terikat dengan bantuan orang lain. Plaintif menyatakan alasan utama defendan menghentikan bayaran kepadanya ialah

untuk memulihkan hubungan defendan dengan ibubapanya yang amat kecewa apabila rahsia dimana plaintif membantunya dalam urusan perniagaan tersebut terbongkar.

[14] Plaintif menghujahkan defendan telah melanggar syarat perjanjian dengan menghentikan semua pembayaran kepada plaintif. Tindakan plaintif yang sanggup mengeluarkan semua wang simpanannya sudah pasti menginginkan pulangan dan jaminan keatas pelaburannya. Walaupun tiada perjanjian bertulis, tindakan susulan kedua-dua pihak dan dokumen-dokumen defendan yang diserahkan untuk rekod dan kawalan plaintif merupakan 'circumstantial evidence' wujudnya perjanjian yang mengikat antara plaintif dan defendan.

[15] Selain itu, plaintif menghujahkan jumlah RM425,000 adalah satu pelaburan dan bukan pinjaman. Adalah tidak munasabah plaintif sanggup meminjamkan wang kepada defendan tanpa sebarang pulangan. Dengan jumlah tersebut sudah pasti plaintif mahukan pulangan yang tinggi bagi pelaburannya. Plaintif menegaskan bahawa kesediaan defendan untuk berkongsi keuntungan dengan plaintif adalah punca sebenar plaintif melabur RM425,000 dengan defendan.

HUJAHAN DEFENDAN

[16] Defendan menegaskan bahawa fakta mengenai plaintif adalah rakan kongsi dan pelabur dalam perniagaan Arienna Enterprise adalah langsung tidak diplidkan oleh plaintif dalam pernyataan tuntutan dan/atau jawapan kepada pembelaan. Oleh yang demikian, adalah tidak wajar dan/atau munasabah untuk membenarkan fakta-fakta tersebut daripada diterima sebagai keterangan dalam prosiding bicara tindakan ini dan ini diakui oleh plaintif dalam pemeriksaan semula.

[17] Defendan menghujahkan plaintif merupakan seorang peminjam dan bukannya salah seorang rakan kongsi dan pelabur dalam perniagaan Arienna Enterprise kerana plaintif tidak tahu apa-apa maklumat mengenai urus niaga bagi tahun 2006–2014. Defendan menegaskan bahawa plaintif telah menerima bayaran daripada defendan selama hampir lapan tahun dan dalam tempoh tersebut tidak ada sebarang permintaan dibuat oleh plaintif untuk memeriksa dan/atau meneliti rekod-rekod perniagaan dan untung rugi perniagaan Arienna Enterprise. Oleh yang demikian defendan menghujahkan bahawa plaintif telah bersetuju dan berpuas hati dengan bayaran-bayaran termasuk bayaran balik pinjaman dan pulangan yang telah diterimanya.

[18] Defendan menegaskan plaintif telah gagal atau tidak mengemukakan sebarang bukti keterangan untuk menunjukkan bahawa plaintif pernah

berusaha dan/atau mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk mengetahui maklumat-maklumat perniagaan Arienna Enterprise kecuali untuk tahun 2005 dan 2006. Malah plaintif sendiri telah mengakui bahawa beliau telah mengikuti perkembangan jualan hanya sehingga hujung tahun 2005 sahaja. Dengan ini defendan menghujahkan bahawa adalah mustahil untuk plaintif yang mendakwa dirinya sebagai pelabur atau rakan kongsi perniagaan untuk mengikuti perkembangan perniagaan hanya untuk beberapa bulan sahaja dan kemudian langsung tidak mengambil peduli mengenai kedudukan urusniaga dan perniagaan Arienna Enterprise.

[19] Defendan menghujahkan bahawa tindakan plaintif yang menerima bayaran daripada defendan dari tahun 2005–2013 tanpa mengambil sebarang usaha, minat dan langkah untuk mengetahui serta meneliti kedudukan urusniaga harian perniagaan Arienna Enterprise adalah bukti kukuh bahawa plaintif adalah hanya seorang peminjam sahaja dan bukannya pelabur atau rakan kongsi. Hujahan plaintif bahawa defendan telah memberi dokumen yang berkaitan bagi tahun 2005 adalah tidak boleh diterima untuk menunjukkan bahawa plaintif adalah seorang pelabur atau rakan kongsi. Dokumen-dokumen seperti laporan jualan, manual bonuslink, *profit and loss*, penyata jualan 23 Mac–30 Mei 2005 adalah kesemuanya diberikan oleh defendan sebagai sekuriti untuk pinjaman yang diberikan bagi memastikan bahawa kedudukan kewangan tersebut adalah stabil dan mampu membayar balik pinjaman tersebut.

[20] Defendan menghujahkan wang sejumlah RM425,000 adalah pinjaman dan tidak wujud apa-apa perjanjian untuk membahagikan keuntungan perniagaan secara sama rata. Sebagai pulangan atau balasan pinjaman tersebut plaintif telah mengakui menerima wang sejumlah RM1,084,000. Lebihan sebanyak RM659,000 bukanlah merupakan pembahagian keuntungan perniagaan tetapi ianya merupakan pulangan yang dibayar kepada plaintif dalam masa tujuh tahun dari tarikh pinjaman tersebut diberikan kepadanya. Plaintif sendiri dalam keterangannya mengakui bahawa keuntungan perniagaan hanya dapat ditentukan setiap setahun dari tarikh mulanya perniagaan Arienna Enterprise selepas keluarnya laporan audit. Oleh yang demikian, adalah tidak munasabah untuk mengatakan bahawa bayaran tersebut adalah keuntungan perniagaan Arienna Enterprise kerana ianya dibuat setiap dua hingga tiga bulan sekali.

[21] Defendan menghujahkan tiada terdapatnya perjanjian lisan kerana SP2, SP3 dan SP4 menyatakan mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenai terma-terma perjanjian lisan tersebut dan tidak ada sebarang keterangan sokongan (*corroborative evidence*) untuk menyokong dakwaan tersebut. Defendan menghujahkan sekiranya mahkamah memutuskan wujudnya satu perjanjian lisan tersebut, ianya adalah terbatal

atau tidak berkuatkuasa atas alasan plaintif sendiri telah menyimpang daripada terma-terma perjanjian lisan yang didakwa itu dan *diestop* dari menguatkuasakannya. Oleh yang demikian, defendan menghujahkan bahawa plaintif harus diestop dari menuntut apa-apa dibawah perjanjian lisan, sekiranya ada.

ISU-ISU

[22] Berdasarkan kepada hujahan kedua-dua belah pihak ini, isu-isu yang kemukakan untuk diputuskan adalah seperti berikut;

(a) sama ada wujud perjanjian lisan antara plaintif dan defendan untuk berkongsi keuntungan Arienna Enterprise dan elaun bulanan secara sama rata;

(b) adakah jumlah RM425,000 yang dikeluarkan oleh plaintif merupakan satu pinjaman; dan

(c) adakah plaintif berhutang kepada defendan RM359,000 (pindaan) seperti di dalam tuntutan balas.

PENEMUAN MAHKAMAH

[23] Setelah meneliti fakta dan mendengar keterangan saksi-saksi dan hujahan kedua-dua belah pihak, mahkamah memutuskan berdasarkan kepada isu-isu seperti berikut:

(a) isu pertama: sama ada wujud perjanjian lisan antara plaintif dan defendan untuk berkongsi keuntungan Arienna Enterprise dan elaun bulanan secara sama rata:

(i) kedua pihak mengesahkan tiada terdapat perjanjian bertulis di antara mereka. Plaintif dalam keterangannya menyatakan bahawa wujudnya perjanjian lisan di antara beliau dengan defendan yang telah bersetuju untuk berkongsi keuntungan bersih perniagaan Arienna Enterprise secara sama rata. Sebaliknya, defendan menafikan wujudnya perjanjian lisan untuk berkongsi keuntungan malah menyatakan bahawa jumlah RM425,000 yang diberi kepada plaintif adalah diatas dasar pinjaman. Dalam hal ini tiada sebarang bukti dikemukakan oleh plaintif bagi menyokong wujudnya perjanjian lisan tersebut. Saksi-saksi plaintif yang dipanggil gagal mengesahkan kewujudan tersebut;

(ii) dakwaan plaintif bahawa beliau adalah rakan kongsi dalam Arienna Enterprise kerana beliau telah memantau operasi dan hal ehwal kewangan Arienna Enterprise. Tetapi sebaliknya plaintif mengakui bahawa penglibatan beliau cuma diperingkat awalan untuk beberapa bulan sahaja dan kemudian langsung tidak terlibat

dengan kedudukan urusniaga dan perniagaan Arienna Enterprise. Keterangan juga menunjukkan plaintif telah menerima bayaran daripada defendan selama hampir lapan tahun tanpa memeriksa atau meneliti rekod-rekod perniagaan termasuk untung rugi perniagaan Arienna Enterprise. Dari tingkah laku (*conduct*) plaintif. Plaintif dalam menerima wang RM1,084,000 tidak pernah mempertikaikan jumlah yang diberi oleh defendan dan telah menerima tanpa sebarang aduan samada ianya dibuat secara sama rata atau tidak. Mahkamah mendapati ianya tidak menjuruskan kepada peranan rakan kongsi dalam Arienna Enterprise. Tiada sebarang bukti yang dikemukakan bahawa plaintif telah membuat akujanji dengan defendan sama ada lisan atau bertulis untuk menanggung kerugian bersesama dalam perniagaan Arienna Enterprise. Mahkamah juga mendapati plaintif telah gagal untuk membuktikan terdapatnya syarat-syarat mengenai pembahagian keuntungan sama rata dan persetujuan mengenai pembayaran elaun bulanan diantara mereka. Saksi-saksi yang dikemukakan oleh plaintif gagal untuk menyokong dan mengesahkan terdapatnya persetujuan pembahagian keuntungan. Seorang rakan kongsi semesti bertanggungan diatas segala untung dan rugi sesuatu perniagaan itu. Seksyen 11 Akta Perkongsian ('Akta 135') menyatakan 'Every partner in a firm is liable jointly with the other partners for all debts and obligations of the firm incurred while he is a partner; and after his death his estate is also severally liable in a due course of administration for such debts and obligations, so far as they remain unsatisfied but subject to the prior payment of his separate debts'. Dalam hal ini plaintif dilihat hanya menunggu pulangan keuntungan setiap bulan dari defendan tanpa berperanan sebagai seorang rakan kongsi. Dalam keadaan sebagaimana diatas mahkamah memutus plaintif bukan merupakan seorang rakan kongsi sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Perkongsian 1961; dan

(iii) tambahan pula kedudukan plaintif sebagai rakan kongsi dalam perniagaan Arienna Enterprise tidak sebilang masa diplidkan dalam penyata tuntutan tetapi cuma diutarakan di dalam penyata saksi dan hujahan sahaja. Oleh itu ianya merupakan satu undang-undang (*trite law*) bahawa perkara yang tidak diplidkan tidak boleh diterima oleh mahkamah. Oleh yang demikian bagi menjawab kepada isu ini, mahkamah memutuskan bahawa tiada terdapat sebarang perjanjian lisan di antara plaintif dan defendan sebagai rakan kongsi untuk pembahagian dan pengkongsian keuntungan perniagaan Arienna Enterprise;

(b) isu kedua: adakah jumlah RM425,000 yang dikeluarkan oleh plaintif merupakan satu pinjaman:

(i) dari keterangan yang dikemukakan adalah fakta yang tidak dinafikan bahawa plaintif telah menyumbang sejumlah wang RM425,000 untuk diberi kepada defendan bagi modal untuk memulakan perniagaan Arienna Enterprise. Mahkmah berpendapat bahawa tindakan plaintif yang sanggup mengeluarkan simpanan peribadi dan ASB beliau dan isteri serta mencagar semula kenderaan mereka dalam usaha untuk mendapat jumlah RM425,000 pada pandangan mahkamah lebih kepada satu bentuk pelaburan atas modal pemulaan perniagaan. Secara lazimnya dengan berbuat demikian seseorang itu mengharap kepada satu pulangan keuntungan. Dari bukti yang dikemukakan telah menunjukkan plaintif ada menerima sejumlah pulangan dari tindakan beliau menyalurkan kewangan dalam membantu perniagaan Arienna Enterprise. Sekira ianya satu pinjaman, mahkamah mendapati tindakan defendan tidak mencerminkan kepada satu pinjaman kerana defendan tidak pernah mempertikaikan tentang bayaran yang telah dibuat malah masih meneruskan pembayaran kepada plaintif walaupun jumlah yang dikatakan pinjaman itu telah diselesaikan. Mahkamah mendapati pemberian sejumlah wang tersebut telah diberi secara sukarela oleh defendan dan diterima oleh plaintif secara senang hati. Penjelasan defendan mengenai lebihan bayaran sebagai pulangan pinjaman kepada plaintif atas alasan membalas jasa plaintif tidak dapat diterima oleh kerana jumlah yang dibayar adalah satu jumlah yang besar dan dibuat secara konsisten dengan jumlah yang tetap tanpa gagal setiap bulan. Ianya lebih merupakan satu lebihan pulangan modal yang diberi sebagai 'tanda terima kasih' atas pertolongan plaintif mendahulukan RM425,000 sebagi modal defendan memulakan perniagaan;

(ii) dalam menuntut sejumlah wang RM1,251,425 sebagai bahagian keuntungan yang dikatakan miliknya dari Mac 2005–Disember 2012. Mahkamah mendapati plaintif telah gagal membuktikan jumlah tersebut adalah satu keuntungan sebenar yang diperolehi oleh perniagaan Arienna Enterprise. Mahkamah tidak boleh menerima jumlah RM1,251,425 sebagai anggaran kasar tanpa sebarang bukti yang menyokong tuntutan plaintif dalam membenarkan tuntutan ini. Malah plaintif mengakui tidak tahu tentang untung rugi perniagaan Arienna Enterprise. Tambahan pula tiada perjanjian sama ada lisan atau bertulis untuk berkongsi keuntungan bersih secara 50–50 dari hasil keuntungan perniagaan Arienna Enterprise seperti yang didakwa oleh plaintif;

(iii) dalam masa yang sama plaintif juga gagal membuktikan jumlah tuntutan lain sebagaimana didalam penyata tuntutan. Tuntutan lain iaitu bahagian keuntungan milik plaintif mulai Januari 2013

sehingga tarikh pembayaran sepenuhnya. Begitu juga elaun bulanan RM28,000 mulai Januari 2013 dan elaun mulai Mei 2013 sebanyak RM7,000 sebulan sehingga tarikh pembayaran sepenuhnya. Mahkmah juga mendapati plaintif tidak berhak untuk menuntut tuntutan ini kerana tiada terdapat perjanjian sama ada lisan atau bertulis untuk bersetuju untuk bayaran elaun tersebut; dan

(iv) mahkamah juga tidak dapat membenarkan suatu perintah untuk Arienna Enterprise mengemukakan penyata untung rugi yang diaudit dan lain-lain dokumen berkaitan pendapatan Arienna Enterprise untuk menilai jumlah sebenar plaintif seperti yang dihujahkan kerana plaintif tidak sebilang masa diplidkan dalam penyata tuntutan;

Tuntutan Balas

(c) isu ketiga: adakah plaintif berhutang kepada defendan RM359,000:

(i) mahkamah ingin menarik perhatian bahawa jumlah asal tuntutan balas adalah RM585,000 tetapi telah dipinda secara lisan oleh defendan semasa perbicaraan kepada jumlah RM359,000. Alasan pindaan ini dibuat kerana defendan tidak mencatat atau menyimpan sebarang rekod untuk setiap pembayaran kepada plaintif yang dibuat olehnya. Defendan juga dalam keterangan mengakui kesilapan dalam jumlah tuntutan balas sebelum ini setelah beliau menyedia dan mengemaskini rekod dan laporan untuk bayaran selepas tuntutan saman ini dibuat oleh plaintif. Dari keterangan defendan, beliau telah membayar sebanyak RM1,084,000 kepada plaintif. Bayaran tersebut adalah merupakan jumlah bayaran balik hutang yang berjumlah RM425,000 dan RM300,000 adalah jumlah tambahan yang dibayar kepada plaintif kerana defendan telah memberi persetujuan untuk memberi pulangan atas pinjaman yang tidak melebihi RM300,000 kerana plaintif telah membantunya dalam memberi pinjaman untuk memulakan Arienna Enterprise;

(ii) adalah tidak dinafikan RM425,000 telah diberi oleh plaintif kepada defendan. Adalah tidak dinafikan juga bahawa plaintif telah menerima wang sejumlah RM1,084,000 dari defendan mulai 2005–2012. Defendan mengesahkan jumlah pinjaman RM425,000 telah selesai dijelaskan dan apa apa lebihan bayaran adalah merupakan satu pemberian ikhlas untuk membalas jasa plaintif. Dari jumlah lebihan RM659,000, sejumlah RM300,000 merupakan pulangan atas pinjaman pokok (RM425,000) dan lebihan RM359,000 merupakan pinjaman defendan kepada plaintif yang menjadi 'subject matter' dalam tuntutan balas ini.

Dari keterangan defendan wang sejumlah RM359,000 adalah satu pinjaman yang dibuat olehnya kepada plaintif apabila plaintif setiap kali meminta dan mendesak atas alasan kesempitan wang yang perlu ditunaikan dengan segera. Atas dasar simpati serta mengenang jasa, defendan telah memberi wang setiap masa apabila diminta oleh plaintif; dan

(iii) dalam hal ini mahkamah mendapati wang sebanyak RM359,000 menjadi bentuk pinjaman hanya timbul setelah tuntutan balas dibuat. Ini merupakan satu pemikiran terkemudian (*after thought*). Tambahan pula defendan juga tidak pernah pada sebilang masa meminta plaintif membayar balik sejumlah wang yang telah diberikan. Defendan juga mengakui di dalam keterangannya bahawa beliau tidak mengambil tindakan undang-undang untuk menuntut jumlah RM359,000 sehinggalah plaintif memfailkan tuntutan mahkamah. Malah defendan mengakui melalui surat peguamcaranya bertarikh 18 Mac 2013 (ms 143–145 Ikatan B) yang menyatakan jumlah tersebut adalah 'sebagai tanda terima kasih' diatas pertolongan plaintif yang mendahulukan pinjaman sebagai modal memulakan perniagaan. Selain itu mengikut penyata pembelaan asal defendan bertarikh 26 April 2013 jumlah tersebut merupakan sebagai 'tanda terima kasih' kepada plaintif. Oleh yang demikian mahkamah mendapati RM359,000 bukanlah satu bentuk pinjaman tetapi ianya merupakan satu bentuk pulangan yang diberi secara sukarela oleh defendan kepada plaintif sebagai 'tanda terima kasih'.

KEPUTUSAN

[24] Setelah mendengar keterangan saksi-saksi kesemua pihak di dalam kes ini dan meneliti bukti dokumentari yang dikemukakan serta hujahan oleh kesemua pihak, mahkamah atas keimbangan keberangkalian menolak tuntutan plaintif dan juga tuntutan balas defendan. Kedua-dua pihak bersetuju bahawa kos ditanggung masing-masing.

Tuntutan plaintif dan tuntutan balas defendan ditolak.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar